

Air Sungai Golok di paras amaran

Keadaan terkawal, tiada perpindahan mangsa banjir dilaporkan

■ NOR AZLIDA ALIMIN

RANTAU PANJANG—Hujan sejak malam kelmarin menyebabkan air Sungai Golok meningkat ke paras amaran (8.16 meter), semalam.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Rantau Panjang, Penolong Penguasa Bomba Rahmat Kamaruzaman berkata, keadaan masih terkawal dan tiada perpindahan mangsa banjir dilaporkan.

Menurutnya, jalan utama ke Rantau Panjang, Pasir Mas, Tumpat dan Jeli masih boleh dilalui semua kenderaan.

Bagaimanapun katanya, sebahagian jalan Kampung Seberang Merbau-Repek, jalan Putat Tujoh-Gertak Nombor Tiga, jalan Putat Tujoh-Tasek Bakong, jalan Tersang-Lanchang dan jalan Kampung Kelawar ditutup untuk kenderaan ringan kerana dinaiki air.

"Keadaan ini menyebabkan Kampung Tasek Bakong, Putat Tujoh, Lanchang, Jeram Perdah, Kajang, Tersang, Terusan, Banggol Nyor,



Hassan (kiri) terpaksa mengharung air untuk ke rumahnya, semalam.

Banggol Kedondong dan Jejawi berisiko banjir.

"Jika berlaku sebarang kecemasan berhubung kejadian banjir, penduduk diminta menghubungi Bilik Gerakan Bomba Rantau Panjang di talian 09-7950444," katanya.

Sementara itu, penduduk di Kampung Gual To' Deh, Hassan Setapa, 50, berkata, hujan lebat sejak 10 malam kelmarin menyebabkan

laluhan ke rumahnya dinaiki air hampir 0.5 meter.

Menurutnya, keadaan itu memaksa penduduk mengalihkan kenderaan ke tempat tinggi kerana aliran air dari Sungai Golok dan Sungai Lanchang tidak menunjukkan sebarang penurunan.

"Kawasan lembah di sini biasanya akan dinaiki air melebihi satu meter, jadi kami bersiap sedia lebih



Sungai Golok di Pangkalan Haram Gergaji meningkat ke paras amaran.

awal antaranya dengan mengalihkan barang berharga ke loteng rumah," katanya.

Sementara itu, kelmarin, Jabatan Meteorologi dalam satu kenyataan memaklumkan, angin kencang berkelajuan 40 hingga 50 kmsj dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter yang berlaku di kawasan perairan Samui, Tioman, Bunguran, Reef South dan Labuan, dijangka ber-

terusan sehingga Isnin ini.

Keadaan sama juga dijangka berlaku di perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur, Sabah (Kudat, Pantai Barat dan Pedalaman, Labuan) dan Sarawak.

Kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur terdedah kepada kenaikan paras air laut dan dijangka berterusan sehingga hari ini.